

BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH: 12 JANUARI 2022
(RABU)



MSC Malaysia kini dikenali Malaysia Digital

Januari 12, 2022 @ 4:13pm



Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa (tengah) pada pelancaran Minggu Ekonomi Digital Malaysia di Ekspo 2020 Dubai, di Pavilion Malaysia hari ini. Turut hadir, Konsul Jeneral Malaysia di Dubai, Mohd Hasril Abdul Hamid (kanan) serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Mahadhir Aziz (kiri). - Foto

BERNAMA

DUBAI: Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa mengumumkan bahawa MSC Malaysia akan ditambah dan dinamakan semula sebagai Malaysia Digital.

Beliau berkata, MSC Malaysia perlu berubah berikutan perubahan pantas norma sosio-ekonomi sebagai tidak balas kepada kemajuan tetap teknologi digital.

"Sejak pengenalannya pada 1996, MSC Malaysia memangkin dan mentransformasi Malaysia menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Ia dicipta untuk memupuk ekosistem kondusif yang dipacu oleh pembangunan infrastruktur canggih serta syarikat-syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam koridor yang dikenali pasti," katanya berucap pada pembukaan Hari Digital Malaysia di Ekspo 2020 Dubai.

Berkongsi kejayaan inisiatif itu, Annuar berkata MSC Malaysia turut membantu memacu pertumbuhan ekonomi digital negara ini yang pada masa ini menyumbang 22.6 peratus kepada

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).



Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa menyampaikan ucapan pada pelancaran Minggu Ekonomi Digital Malaysia di Ekspo 2020 Dubai, di Pavilion Malaysia di sini hari ini. - Foto BERNAMA

"Ia satu program yang tidak pernah disaksikan di dunia pada 1996 atau menjadi satu 'game changer' (pengubah).

"Dari pelbagai sudut, MSC Malaysia adalah permulaan asal ketika perkataan 'startup' (permulaan) itu masih belum wujud," katanya.

Menurutnya, kerajaan mengenal pasti ekonomi digital sebagai antara bidang pertumbuhan ekonomi utama Malaysia bagi mencapai pertumbuhan mampan sambil memastikan kemakmuran bersama diraih menerusi agihan adil serta saksama yang merentasi kumpulan pendapatan, etnik serta agama.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), ekonomi digital diunjurkan menyumbang sebanyak 25.5 peratus kepada KDNK Malaysia menjelang 2025.

Selain itu, kerajaan menerusi Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) akan terus memacu kemajuan ekonomi digital ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara digital yang kompetitif dan hab digital ASEAN, kata beliau.

"Pandemik COVID-19 terbukti menguji kita dalam pelbagai aspek dan mengekang kemampuan untuk berkembang. Namun, pada masa sama, ia turut menjadi pemangkin bagi ekonomi digital, membuka laluan untuk teknologi e-dagang dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) bagi meraih pertumbuhan yang hebat," katanya.

Annuar berkata, Malaysia juga tidak ketinggalan memanfaatkan gelombang digital, membangunkan ekosistem yang dijana oleh teknologi maju seperti kecerdasan buatan (AS), internet pelbagai benda (IoT) dan Analisis Data Raya.



MSC MALAYSIA AKAN DIPERTINGKAT & DIKENALI SEBAGAI MALAYSIA DIGITAL

- Sejak diperkenalkan pada 1996, MSC Malaysia telah mengubah Malaysia menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan
- MSC perlu berkembang berikutan peralihan pantas sosio-ekonomi & kemajuan dalam teknologi digital
- Ekonomi digital kini menyumbang 22.6% daripada KDNK negara
- Ia diunjurkan menyumbang 25.5% kepada KDNK Malaysia menjelang 2025



Pandemik telah menguji kami dalam pelbagai bentuk dan menyekat keupayaan kami untuk berkembang. Walaubagaimanapun, ia juga telah memberi manfaat besar kepada ekonomi digital, membuka jalan bagi teknologi eCommerce dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) untuk mencapai pertumbuhan yang luar biasa. **”**

Tan Sri Annuar Musa

Kerajaan -- melalui MDEC akan terus memacu ekonomi digital ke hadapan

1 Menjadikan Malaysia sebuah negara digital yang berdaya saing global & hab digital ASEAN

2 Lancarkan Pelan Tindakan Ekonomi Malaysia Digital (MyDIGITAL)

Cipta 500,000 peluang pekerjaan

Bantu 5,000 syarikat baharu dalam tempoh lima tahun

Tarik pelaburan baharu bernilai RM70 bilion

3 Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri Keempat (MED4IR) tubuh Pejabat Pelaburan Digital (DIO) untuk memudahkan pelaburan digital di Malaysia

Sejak April 2021, MED4IR memudahkan RM13.1 bilion pelaburan digital

Projek digital bernilai RM57.3 bilion sedang dalam perancangan

KDNK - Keluaran Dalam Negara Kasar
MDEC - Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia

Malaysia Digital- program pengganti MSC Malaysia

Dua inisiatif utama

1 Program DE Rantau

Bertujuan menjadikan Malaysia sebagai Hab Nomad Digital pilihan

2 Program Perdagangan Malaysia Digital

Bersedia memacu penyelarasan standard & pendekatan kawal selia bagi memudahkan perdagangan merentas sempadan



Laporan e-Conomy Southeast Asia (SEA) oleh Google, Temasek dan Bain & Company

Ekonomi internet Malaysia diunjur mencecah AS\$21 bilion dalam Nilai Barangan Kasar pada 2021, bakal cecah AS\$35 bilion menjelang 2025

3.0 juta pengguna digital baharu sejak permulaan pandemik pada 2020

81% pengguna internet kini adalah pengguna perkhidmatan digital

Sumber: Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa

Diterbitkan: 12 Jan 2022
Infografik Bernama

MSC Malaysia akan dipertingkatkan & dikenali sebagai Malaysia Digital

Merujuk Laporan e-Conomy Asia Tenggara (SEA) oleh Google, Temasek dan Bain & Company, beliau berkata Malaysia mencatatkan sebanyak tiga juta pengguna digital baharu sejak pandemik bermula pada 2020 manakala 81 peratus daripada semua pengguna internet adalah pengguna perkhidmatan digital.

Laporan itu mengunjurkan ekonomi internet Malaysia secara keseluruhannya mencecah AS\$21 bilion dari segi Nilai Dagangan Kasar (GMV) pada 2021 dan seterusnya AS\$35 bilion menjelang 2025.

Pada September 2021, pendapatan e-dagang Malaysia berjumlah RM279 bilion, peningkatan sebanyak 17.1 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pada awal tahun lalu, Malaysia melancarkan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia atau MyDIGITAL iaitu inisiatif bagi memacu transformasi digital dan memacu pertumbuhan ekonomi terbabit.

Ia menawarkan satu kerangka kukuh yang dapat membantu mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital, membantu 5,000 syarikat permulaan atau pemula niaga memulakan operasi dalam tempoh lima tahun berikutnya serta menarik pelaburan baharu bernilai RM70 bilion dalam sektor digital.

Dalam pada itu, Majlis Ekonomi Digital Negara dan Revolusi Perindustrian Keempat (MED4IR) pula menubuhkan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) bagi kemudahan pelaburan digital di Malaysia.

Sejak memulakan operasi pada April 2021, pihak DIO memberi kemudahan pelaburan digital bernilai RM13.1 bilion di Malaysia yang merangkumi projek-projek pusat data manakala RM57.3 bilion projek digital lain kini dalam perancangan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadhir Aziz menyifatkan pelancaran Malaysia Digital dijangka dapat meningkatkan nilai Malaysia bagi menarik pelaburan digital menerusi rangka kerja baharu yang berteraskan tiga komponen utama iaitu ketangkasan, fleksibiliti dan perkaitan atau relevan.

"Kempen ini akan menjadi pemacu bagi melonjakkan ekonomi digital ke tahap baharu selain memupuk masyarakat yang progresif, saksama dan diterajui oleh aspek inovasi yang seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya.

Minggu Ekonomi Digital adalah antara 26 program perdagangan dan perniagaan mingguan dengan tema tertentu yang dianjurkan oleh Pavilion Malaysia bagi acara Ekspo 2020 Dubai. –
BERNAMA



MSC Malaysia memupuk ekosistem kondusif yang dipacu oleh pembangunan infrastruktur canggih.